



DASAR, KUALITI, KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Adalah menjadi dasar Koperasi Ladang Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia Berhad untuk sentiasa mempertingkatkan Kualiti produk, perkhidmatan serta Prestasi keselamatan dan kesihatan kakitangan disamping mereka yang berkaitan.

Pihak Pengurusan dan kakitangannya akan sama-sama berusaha untuk mencegah sebarang potensi ketidakakuran produk dan perkhidmatannya serta sebarang kemungkinan kecederaan dan penyakit dari insiden yang berlaku ditempat kerja.

Pengurusan KL juga komited untuk:

- Menyediakan dan menyenggara semua tempat dan sistem kerja yang berkualiti, selamat serta sihat dari sebarang bahaya dan risiko;
- Memastikan bahawa semua kakitangan dan pekerja mendapat maklumat, arahan, latihan dan penyeliaan berkenaan cara untuk menjalankan tugas dengan betul, berkualiti, selamat dan tanpa risiko kepada kesihatan;
- Untuk menyiasat semua ketidakakuran dan perkhidmatannya, insiden, penyakit pekerjaan, keracunan pekerjaan dan kejadian berbahaya serta mengambil langkah-langkah untuk memastikan ianya tidak berulang lagi;
- Untuk mengenalpasti, mematuhi kehendak-kehendak perundangan dan lain-lain keperluan seperti yang ditetapkan di dalam Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994, peraturan-peraturannya dan tataamalan industri yang diluluskan;
- Memastikan untuk mencapai Objektif Kualiti, keselamatan dan kesihatan pekerjaan, prosedur kerja, peraturan-peraturan dan garis panduan-garis panduan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dikalangan pekerja.

Untuk memastikan pelaksanaan dasar ini, sistem Pengurusan Kualiti dan keselamatan dan kesihatan pekerjaan diwujudkan, dilaksanakan dan diselenggarakan di premis Koperasi Ladang Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia Berhad.

.....
Mohd Tarmizi Mohd Nordin
Pengurus Besar

Koperasi Ladang Pekebun-Pekebun Kecil Malaysia Berhad

Tarikh : 1 Julai, 2015